

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 2 TAHUN 1969

PERMOHONAN MENUKAR JENIS TANAMAN BAGI TANAH DESA YANG DIGUNAKAN UNTUK PERTANIAN

Semua pemungut pemungut Hasil Tanah di dalam Negeri Kelantan adalah diminta mengambil perhatian bahawa Pihak Yang Berkuasa Negeri telah bersetuju menurunkan kuasa kepada Pemungut-pemungut Hasil Tanah dan PTG atas perkara menimbangkan permohonan penukaran jenis tanaman bagi tanah desa yang digunakan untuk pertanian. Salinan perwakilan kuasa ini ada dikembalikan kepada pekeling ini dan perwakilan kuasa ini akan disiarkan di dalam Warta Kerajaan Kelantan.

2. Sayugia diingati bahawa perwakilan kuasa ini ialah bagi penukaran jenis tanaman bagi tanah desa sahaja. Penukaran jenis kegunaan misalan daripada Pertanian kepada perumahan dan penukaran jenis tanaman bagi tanah di dalam kawasan Bandar atau Pekan masih lagi berkehendakan pertimbangan Pihak yang berkuasa Negeri.
3. Perkataan "Pemungut Hasil Tanah" yang digunakan di dalam perwakilan kuasa ini tidak termasuk Penolong Pemungut Hasil Tanah.

t.t

(Akasah bin H.A. Rahman)
Pesuruhjaya Tanah dan Galian
Kelantan

**PEJABAT PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN
KELANTAN**

PTG.Kn.Sulit.80/60/Vol.IV/(20)

KOTA BHARU: 27HB. DISEMBER 1969
P.U.....

**KANUN TANAH NEGARA 1965
(No. 56 Tahun 1965)**

PERWAKILAN KUASA DI BAWAH SEKSYEN 13

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 13 Kanun Tanah Negara, 1965 Pihak Berkuasa Negeri dengan ini mewakilkan kepada pegawai-pegawai yang dilantik di bawah seksyen 12(1) daripada Kanun itu bagaimana diperihalkan dalam ruang pertama untuk menjalankan syarat syarat dan sekatan-sekatan yang diperihal dalam ruang kedua di bawah ini mulai daripada 1hb. Januari, 1970:

Pesuruh Tanah dan Galian

Semua perkara-perkara berkaitan dengan penukaran jenis tanaman dan penukaran jenis kegunaan kepada pertanian bagi tanah desa yang berpegang dengan hakmilik Pendaftar, sama ada tetap atau sementara.

Pemungut-pemungut Hasil Tanah

Semua perkara-perkara berkaitan dengan penukaran jenis tanaman dan penukaran jenis kegunaan kepada pertanian bagi tanah desa yang berpegang dengan hakmilik Pejabat Tanah sama ada tetap atau sementara.

**NATIONAL LAND CODE, 1965
(No.56 of 1965)**

DELEGATION OF POWER UNDER SECTION 13

In exercise of the powers conferred by section 13 of the National Land Code, 1965, the State Authority hereby delegates to the officers appointed under section 12(1) of the Code as described in the first column the exercise of the powers under section 124 of the Code subject to such conditions and restriction described in second column hereunder with effect from 1st day of January, 1970:-

Commissioner of Lands and Mines	All matters relating to change of cultivation and change category to agriculture in respect of all country land held under Registry titles whether final or qualified.
Collectors of Land Revenue	All matters relating to change of cultivation and change category to agriculture in respect of all country land held under Land Titles, whether final or qualified.

Dated this 16th day of November, 1969
[PTG (Kn) Sult. Bil. 80/60/Vol.IV]